



**KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN**

**PANDUAN  
EJEN**

## KANDUNGAN

<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) secara am.....	1
<b>PRINSIP AM AGENSI.....</b>	<b>1</b>
<b>JENIS EJEN DAN Liabiliti mereka.....</b>	<b>2</b>
Ejen yang bertindak bagi pihak prinsipal .....	2
Ejen yang bertindak atas nama sendiri.....	5
Ejen yang mengimpot barang bagi pihak orang tidak kena cukai.....	6
Ejen yang bertindak bagi pihak seseorang yang tidak berada di Malaysia.....	8
<b>SOALAN LAZIM .....</b>	<b>10</b>
<b>MAKLUMBALAS DAN KOMEN .....</b>	<b>12</b>
<b>BANTUAN ATAU MAKLUMAT LANJUT .....</b>	<b>12</b>
<b>LAMPIRAN 1 .....</b>	<b>i</b>



## PENGENALAN

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu perniagaan memahami perkara yang berkaitan dengan layanan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) bagi Ejen.

### **Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) secara am**

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat bagi penggunaan tempatan. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan melainkan pembekalan yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai dilakukan di setiap peringkat di dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai tambah di setiap peringkat dikenakan cukai dan dengan itu cukai berganda dapat dielakkan.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai “orang berdaftar”. Orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggannya. Beliau dibenarkan menuntut kembali sebarang CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu cukai tersebut bukanlah merupakan kos di setiap peringkat pengeluaran dan pembekalan dan ianya tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan.

### **PRINSIP AM AGENSI**

5. Pada amnya, ejen adalah orang yang bertindak sebagai perantara yang diberi kuasa oleh pihak lain untuk membuat sesuatu bagi pihak itu (**prinsipal**) dalam mengurus pembekalan barang atau perkhidmatan. Pembekalan yang diatur atau diuruskan adalah dilakukan oleh atau kepada pelanggan yang diwakilinya.

6. Di bawah prinsip am agensi, prinsipal tidak boleh mengelak daripada tanggungjawabnya untuk mengakaunkan CBP ke atas pembekalannya atau membayar CBP ke atas perolehannya dengan menggunakan ejen. Ejen hanya



bertindak untuk memudahkan urusan jualan dengan bayaran komisen yang telah dipersetujui sebagai balasan ke atas perkhidmatan agensinya.

7. Kadang-kadang orang yang menjalankan perniagaan dengan menggunakan akaunnya sendiri menggunakan perkataan “ejen” dan “agensi” sebagai cara memperihalkan urusan mereka. Sebagai contoh;

- (a) ejen kenderaan bermotor, pengedar dan konsesi tunggal yang berurusan dan berperanan sebagai prinsipal bagi akaun mereka sendiri; dan
- (b) ejen pelancongan dan agensi pekerjaan biasanya adalah bukan ejen dalam semua aktiviti mereka

8. Untuk bertindak sebagai ejen, anda mestilah mempunyai persetujuan secara kontrak dengan prinsipal **untuk bertindak bagi pihaknya** berhubung dengan sesuatu transaksi. Persetujuan boleh dibuat secara bertulis ataupun secara lisan ataupun dengan cara anda dan prinsipal anda menjalankan urusan perniagaan. Walau apapun perhubungan di antara ejen dan prinsipal, perkara-perkara seperti berikut mesti dipenuhi:-

- (a) perhubungan di antara ejen dengan prinsipal mestilah dapat ditunjukkan dengan jelas dan ejen mampu membuktikan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bahawa ia hanya mengurus transaksi bagi pihak prinsipal dan bukan berurusan bagi dirinya sendiri;
- (b) ejen tidak akan menjadi pemilik ke atas apa-apa barang atau menggunakan apa-apa perkhidmatan yang dibeli atau dijual bagi pihak prinsipal;
- (c) ejen juga tidak dibenarkan mengubah keadaan asal atau nilai ke atas apa-apa pembekalan yang dibuat di antara prinsipal dan pihak ketiga.

## **JENIS EJEN DAN LIABILITI MEREKA**

### **Ejen yang bertindak bagi pihak prinsipal**



9. Pada amnya, liabiliti ke atas pembekalan perkhidmatan ejen sendiri kepada prinsipalnya tidak akan sama dengan liabiliti ke atas pembekalan di antara prinsipal dengan pihak ketiga. Jika ejen itu mendaftar untuk CBP, dia mestilah sentiasa mengenakan CBP ke atas komisen tanpa mengambil kira status prinsipalnya. Jika ejen itu mengatur pembekalan atau penghantaran bagi pihak prinsipalnya, pembekalan itu sebenarnya dibuat oleh prinsipal tersebut dan bukannya oleh ejen itu. Oleh yang demikian, prinsipal adalah bertanggungjawab untuk mengakaun CBP dan layak untuk menuntut kredit cukai input.

10. Ejen, adakalanya, hanya memainkan peranan yang kecil dalam sesuatu transaksi dan hanya memperkenalkan prinsipalnya kepada mereka yang berpotensi menjadi pelanggan atau pembeli (**pihak ketiga**). Dalam situasi lain, ejen akan lebih berperanan. Ejen mungkin:

- (i) menerima dan menghantar barang;
- (ii) menyimpan stok bagi pihak prinsipalnya; atau
- (iii) membuat atau menerima bayaran.

11. Walau apa pun situasi atau transaksi yang akan berlaku, jika invois yang dikeluarkan untuk pembekalan adalah di antara prinsipal dengan pelanggan, maka pembekalan yang dibuat oleh ejen bagi maksud CBP adalah penyediaan perkhidmatan kepada prinsipalnya. Dalam erti kata lain, sesuatu invois cukai mestilah dikeluarkan oleh prinsipal bagi pembekalan yang dibuat kepada pelanggannya. Jika ejen itu adalah seorang orang berdaftar, dia mestilah mengeluarkan suatu invois cukai bagi pembekalan perkhidmatan yang dibuat kepada prinsipalnya.

### **Contoh 1**


*Awang Sdn. Bhd. (prinsipal) adalah orang berdaftar CBP melantik Razali Sdn. Bhd. juga orang berdaftar CBP sebagai ejen untuk menjual bot laju bagi pihaknya.*

*Setiap bot laju dijual dengan harga RM100,000.00 dan Razali Sdn. Bhd. mengenakan komisen 10% kepada Awang Sdn. Bhd. tidak termasuk CBP.*

*Awang Sdn. Bhd. mengakaun CBP atas RM100,000.00 sebagai cukai output bagi bot yang telah dijual ( $RM100,000.00 \times 6\% = RM6,000.00$ ).*

*Razali Sdn. Bhd. pula mesti mengakaun CBP atas komisennya, i.e. ( $10\% \times RM100,000.00$ )  $\times 6\% = RM600.00$ .*

**Rajah 1: Senario bagi Contoh 1 boleh digambarkan seperti di bawah:**




**Awang Sdn. Bhd. (P) membuat jualan bercukai kepada pelanggan (B) melalui Razali Sdn. Bhd. (A) yang memudahkan penjualan itu**

### **Contoh 2**

*Global Insurance Sdn. Bhd. (prinsipal) adalah syarikat Insuran yang berdaftar dengan CBP, mengambil AR Sdn. Bhd. (ejen) sebagai ejen berdaftar untuk menjual kenderaan dan insuran hayat bagi pihak Global Insurance Sdn. Bhd. (GISB).*

*GISB adalah mengambil liabiliti sepenuhnya ke atas pembekalan yang dibuat oleh AR Sdn. Bhd. (ARSB) kepada pelanggan. ARSB akan mengeluarkan invois di bawah nama GISB dan akan mengenakan bayaran CBP kepada pelanggan bagi jualan polisi motor. ARSB juga akan meremit bayaran dan CBP yang diterima daripada pelanggan kepada GISB. GISB seterusnya, perlu mengakaun CBP ke atas pembekalan bercukai yang dibuat oleh ejennya.*

Rajah 2: Senario bagi Contoh 2 boleh digambarkan seperti di bawah:



### Ejen yang bertindak atas nama sendiri


12. Apabila ejen membekalkan barang atau perkhidmatan bagi pihak prinsipal di mana dia menggunakan namanya sendiri, pembekalan barang atau perkhidmatan oleh prinsipal itu melalui ejen, adalah dikira sebagai pembekalan kepada ejen itu dan sebagai pembekalan oleh ejen itu. Ini bererti bahawa ejen itu akan dikira sebagai seorang orang kena cukai biasa dan bertanggungjawab mengeluarkan invois cukai jika ejen itu adalah orang berdaftar. Oleh yang demikian, dalam perkiraan ini terdapat dua pembekalan – pembekalan oleh prinsipal itu kepada ejennya dan pembekalan oleh ejen itu kepada pelanggannya.

13. Adakalanya ejen diberi kuasa oleh prinsipalnya untuk membuat kontrak dengan pihak ketiga bagi pihak prinsipal. Dalam kes sebegini, terutamanya apabila prinsipal berhasrat tidak mendedahkan dirinya daripada diketahui, ejen boleh menerima dan mengeluarkan invois **atas namanya** bagi pembekalan berkenaan.

14. Ejen yang berperanan dalam kapasiti tersebut dikenali sebagai **ejen tidak didedahkan** ataupun **commissionaire** atau **ejen bebas**. Walaupun dalam realiti perniagaan, transaksi yang diatur oleh ejen kekal di antara prinsipal dengan pihak

ketiga yang terlibat. Bagi maksud CBP, liabiliti untuk mengakaun cukai masih dengan ejen dan bukannya dengan prinsipal. Ejen berkenaan boleh mengira pembekalan tersebut sebagai pembekalannya. Senario ini boleh digambarkan seperti **Rajah 3** berikut:

**Rajah 3: Ejen bertindak sebagai ejen tidak didedahkan atau *commissionaire* atau ejen bebas**



### **Ejen yang mengimport barang bagi pihak orang tidak kena cukai**

15. Kadang kala terdapat situasi di mana ejen yang merupakan orang berdaftar CBP mengimport barang **bagi pihak** orang tidak kena cukai, yang tidak berada di Malaysia. Dalam kes sebegini, ejen itu akan dikira sebagai prinsipal yang mengimport barang tersebut tanpa mengambilkira sama ada dia dipanggil ejen ataupun tidak dan CBP bagi pengimportan itu boleh dituntut. Walaupun demikian, jika ejen adalah orang tidak berdaftar, CBP yang dikenakan ke atas barang semasa pengimportan tidak boleh dituntut tetapi CBP tidak dikenakan ke atas pembekalan tempatan selanjutnya. Senario ini boleh digambarkan seperti dalam **Rajah 4** berikut:




**Rajah 4: Ejen (orang berdaftar CBP) bertindak bagi pihak orang tidak kena cukai, yang tidak berada di Malaysia**



16. Seseorang adalah dikira tidak berada di Malaysia jika dia tidak memenuhi mana-mana syarat sebagaimana ditetapkan di bawah peruntukan perundangan CBP.

17. Layanan yang sama terpakai bagi situasi di mana prinsipal adalah orang tidak kena cukai tetapi berada di Malaysia. Dalam perkataan lain, pengimportan barang oleh ejen yang berdaftar yang bertindak bagi pihak prinsipal tempatan yang mana prinsipal itu adalah orang tidak berdaftar di mana ejen mengimport atas namanya sendiri, pengimportan itu dikira sebagai pengimportan oleh ejen tersebut. Ini bermakna ejen itu boleh menuntut CBP yang dibayar bagi pengimportan tetapi mestilah mengenakan CBP bagi pembekalan tempatan selanjutnya. Senario ini boleh ditunjukkan dalam **Rajah 5** seperti di bawah:

**Rajah 5: Ejen (orang berdaftar) yang bertindak bagi pihak orang tidak kena cukai yang berada di Malaysia bagi pengimportan barang**




**Ejen yang bertindak bagi pihak seseorang yang tidak berada di Malaysia**

18. Mana-mana orang yang tidak berada di Malaysia boleh mendaftar di bawah CBP jika dia membuat pembekalan bercukai di Malaysia. Walau bagaimanapun, pendaftaran mestilah dibuat melalui seorang ejen yang dilantik olehnya. Semasa pendaftaran, ejen itu mestilah menunjukkan bukti perlantikan dan dokumen sokongan seperti persetujuan di antara ejen itu dan prinsipalnya, surat kuasa daripada prinsipal dan mestilah mempunyai alamat dan nombor telefon di Malaysia.

19. Ejen yang bertindak bagi pihak prinsipal yang tidak berada di Malaysia adalah bertanggungjawab dan bertanggung bagi liabiliti cukai prinsipalnya. Ejen itu mesti menghantar penyata CBP dan membuat pembayaran bagi apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar bagi apa-apa pembekalan yang dibuat oleh prinsipalnya. Apa-apa cukai input yang ditanggung oleh prinsipal berkaitan dengan pembekalan yang dibuatnya boleh dituntut oleh ejen itu. Ejen itu juga mestilah mengeluarkan invois cukai bagi apa-apa pembekalan yang dibuat bagi pihak prinsipalnya di Malaysia.

20. Seorang ejen boleh mewakili lebih daripada seorang prinsipal di mana setiap prinsipal mestilah mempunyai akaunnya yang tersendiri dan berasingan. Ini bererti bahawa ejen itu mestilah menghantar penyata CBP bagi setiap prinsipal yang diwakilinya. Jika ejen itu adalah orang berdaftar, dia juga mestilah mempunyai akaunnya sendiri dan seterusnya mesti menghantar penyata bagi apa-apa pembekalan yang dibuatnya atas namanya sendiri. Situasi ini boleh digambarkan seperti dalam **Rajah 6** berikut:

**Rajah 6: Ejen bertindak bagi pihak prinsipal luar negara yang mana dia berdaftar di bawah CBP**



### Contoh 3

*Trade Asia adalah syarikat bukan pemastautin (berdaftar di bawah CBP) yang telah melantik ABC Sdn. Bhd. sebagai ejen bagi pihaknya.*

- 1. Trade Asia menempah barang dari seorang pengilang (MM Sdn. Bhd. – orang berdaftar) di Malaysia.*
- 2. Trade Asia mengarahkan pengilang itu menghantar barang tersebut kepada pelanggannya di Malaysia.*

3. *MM Sdn. Bhd. akan mengeluarkan invois cukai kepada Trade Asia dan mengenakan CBP.*
4. *ABC akan menuntut CBP yang telah dikenakan oleh MM Sdn. Bhd. bagi pihak Trade Asia. ABC juga akan mengeluarkan invois cukai bagi pihak prinsipal luar negaranya kepada pembeli dan mengenakan CBP.*
5. *Jika ejen itu adalah orang kena cukai, dia mestilah mengenakan CBP bagi komisen kepada prinsipal luar negara.*

*ABC mestilah menyimpan semua rekod transaksi bagi pembekalan yang dibuat oleh prinsipal luar negaranya di Malaysia dan akan meremit CBP kepada Kerajaan dengan mengemukakan penyata CBP. Contoh invois cukai ada ditunjukkan di **LAMPIRAN 1**.*

## **SOALAN LAZIM**

### **S1. Sebagai ejen, bagaimanakah saya terlibat dengan CBP?**

- J1. Sebagai ejen, anda biasanya akan terlibat dengan sekurang-kurangnya dua pembekalan yang berasingan pada satu-satu masa;
- (a) Pembekalan yang dibuat di antara prinsipal anda dan pihak ketiga; dan
  - (b) Pembekalan bagi perkhidmatan anda sendiri kepada prinsipal anda, yang mana anda akan mengenakan fi atau komisen. Perundangan CBP yang biasa adalah terpakai untuk perkhidmatan anda sebagai ejen.

### **S2. Sebagai ejen, adakah saya perlu mengenakan dan mengakaun CBP?**

- J2. Sebagai ejen, anda menyediakan pembekalan perkhidmatan kepada prinsipal dan pihak ketiga. Pada amnya, anda tidak memiliki barang yang anda uruskan. Dengan itu, jualan barang adalah bukan pembekalan anda. Pembekalan perkhidmatan anda adalah pembekalan bercukai, oleh itu jika anda berdaftar untuk CBP, anda dikehendaki untuk mengakaun CBP atas komisen yang anda terima. Walaupun begitu, jika anda adalah orang tidak berdaftar, anda tidak boleh mengenakan CBP bagi perkhidmatan yang anda sediakan.

**S3. Sebagai ejen, bagaimanakah saya mengira jualan tahunan saya bagi maksud pendaftaran?**

J3. Jualan tahunan anda termasuklah:

- (a) Nilai perkhidmatan kepada prinsipal (i.e. komisen yang dikenakan)
- (b) Nilai pembekalan bercukai yang anda buat atas nama anda sendiri, tidak termasuk nilai pembekalan yang diatur untuk prinsipal (kerana pembekalan itu sebenarnya dibuat oleh prinsipal).

**S4. Bolehkah invoice cukai dikeluarkan oleh ejen?**

J4. Apabila ejen menjual barang dan perkhidmatan bagi pihak prinsipal, pembekal bagi maksud CBP adalah prinsipal dan bukannya ejen. Oleh itu, jika prinsipal adalah orang yang berdaftar, invoice cukai mestilah dikeluarkan oleh prinsipal itu.

**S5. Adakah saya perlu memohon kepada JKDM jika saya hendak bertindak sebagai ejen bagi prinsipal luar negara yang bertanggungjawab di bawah Akta CBP?**

J5. Jika prinsipal luar negara bertanggungjawab di bawah Akta CBP, dia mestilah berdaftar melalui ejen yang dilantik olehnya. Oleh itu, sebagai orang yang dilantik oleh prinsipal luar negara, anda mestilah memohon kepada JKDM untuk menjadi ejen. Anda perlu menghantar dokumen sokongan seperti surat kuasa daripada prinsipal luar negara. Selepas pendaftaran, anda adalah bertanggungjawab bagi liabiliti CBP dan perlu mengemukakan penyata bagi pihak prinsipal luar negara. Anda juga mestilah menyimpan rekod secara berasingan untuk bukan pemastautin. Jika anda sendiri adalah orang kena cukai, anda juga mestilah mendaftarkan diri anda sendiri secara berasingan.

**S6. Siapakah yang bertanggungjawab bagi CBP jika saya mengimport dan membekal barang di pasaran tempatan bagi pihak prinsipal luar negara yang merupakan orang tidak kena cukai?**

J6. Jika anda mengimport dan membekalkan barang bagi pihak prinsipal luar negara yang merupakan orang tidak kena cukai, barang tersebut akan dikira sebagai telah diimport oleh anda jika anda mengikrar barang itu di bawah nam anda, Walau bagaimanapun, pembekalan berikutnya adalah dikira

sebagai pembekalan yang anda buat. Anda adalah bertanggungjawab untuk mengakaun CBP dan anda mestilah mengenakan cukai output ke atas jualan itu jika anda orang berdaftar CBP dan boleh menuntut CBP yang telah dibayar bagi barang yang diimport.

## **MAKLUMBALAS DAN KOMEN**

21. Apa-apa maklumbalas dan komen amatlah dihargai. Sila emel maklumbalas atau komen anda kepada Ganesan A/L Kothendapani (ganesan.kothendapani@customs.gov.my) atau Noor Wahidah Binti Abdul Wahid (wahidah.abwahid@customs.gov.my).

## **BANTUAN ATAU MAKLUMAT LANJUT**

22. Maklumat lanjut boleh didapatkan dari:

- (a) Laman sesawang CBP : [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my)
- (b) Hotline CBP: 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam:
  - Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
  - Faks : 03-78067599
  - E-mel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)

LAMPIRAN 1

• Trade Asia Pte Limited		Tax Invoice No:- <b>No. 00010</b>			
• Agent : ABC Sdn Bhd		GST Reg No. :- 987654321000			
No 7 Jalan Zamrud,					
• 81100 Johor Bahru,					
• Johor					
•					
• Tel : 07 2112 2000					
<b>Tax Invoice</b>					
•		Invoice Date: 20.5.2015			
•		D/O No : 0000345			
•					
• To:- Harwin Sdn. Bhd,					
• No.5, Jalan Keris,					
• 47301 Petaling Jaya,					
• Selangor					
•					
•					
<b>S/no.</b>	<b>Description</b>	<b>Quantity</b>	<b>Unit Price (RM)</b>	<b>Total (RM)</b>	
1.	Moulds	3 units	6,000.00	18,000.00	
			GST 6%	1,080.00	
			Total Sales	19,080.00	
• Authorized Signature: .....					

